

Penduduk lega akhirnya meter air dipasang

KEBUNBARU - Seramai 30 penduduk hadir melihat pemasangan meter secara berperingkat di 17 unit rumah di Taman Orkid, Batu 9 Kebun Baru, semalam.

Pengerusi Taman Orkid, Mohd Asri Said berkata, hasrat penduduk mendapat bekalan air berbayar sejak 2012 tercapai apabila pihaknya berusaha memanjangkan masalah berkenaan kepada Ketua Kampung Batu 9, Sarwan Sangin, dua minggu lalu.

Menurut beliau, pihaknya berusaha mendapatkan bantuan Sarwan sekali gus beliau sendiri memanjangkan masalah tersebut kepada Adun Sijangkang, Dr Ahmad Yunus Hairi sehinggalah kelulusan dari Syabas diperoleh tidak sampai sebulan.

"Masalah ini pernah dipanjangkan kepada Penyelaras Pembangunan Persekutuan



Ahmad Yunus (empat, kanan) melihat salah seorang kakitangan Syabas membuat gimik pemasangan meter sambil diperhatikan sebahagian penduduk Taman Orkid, semalam.

Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli ketika bekalan air dipotong akibat paip yang dibina tidak mengikut spesifikasi.

"Selepas beliau hadir, Datuk Sulaiman memohon Syabas membantu dan tindakan itu mendapat maklum balas Syabas untuk guna air semula," katanya yang me-

maklumkan ketika itu tiada bayaran dikenakan kepada penduduk.

Bagi Rohaya Mohd Yusoff, 40, berkata, dia mengakui apabila bekalan air dibuka semula dan penduduk tidak perlu bayar air, mereka sebenarnya tidak tenang.

Katanya, penduduk memang harap pihak Syabas

memasang meter di setiap rumah bagi mendapatkan perkhidmatan itu secara sah.

"Lepas ni tak timbul lagi isu seperti kita curi air sebab tak bayar... sebab kita akan bayar bil air seperti orang lain" katanya.

Sementara itu Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, beliau

memohon mana-mana pemaju yang ingin membina rumah perumahan supaya mengkaji dan mengikut spesifikasi ditetapkan supaya tiada masalah timbul selepas itu.

Katanya soal kemudahan perlu diberi keutamaan terlebih dahulu supaya pembeli rumah tidak berdepan masalah.

Pada 31 Ogos 2012 lalu, penduduk berkumpul menyuarakan rasa tidak berpuas hati apabila sudah tiga hari bekalan air dipotong pihak Syabas.

Namun semalam, kunjungan keprihatinan Pengurus Syabas Wilayah Kuala Langat, Surani Naim bersama beberapa pegawainya dan Dr Ahmad Yunus ke Taman Orkid melegakan penduduk apabila meter dipasang secara berperingkat selepas empat tahun tidak mempunyai meter.

REAKSI



“Selepas ni saya akan memanfaatkan penggunaan air dengan baik kerana hampir empat tahun tak ada meter di kawasan rumah kami,” - Pengerusi Taman Orkid, Mohd Asri Said



“Masa dapat air percuma tu, memang tak sedap hati seolah-olah kami curi air, tapi bila dah ada meter ni lega sikitlah dapat tahu guna air banyak mana dan kena bayar.” - Suri rumah, Hawa Kasim, 46